



TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB. MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN BIASISWA MUTIARA
ANJURAN PERSATUAN ANAK MELAYU PULAU PINANG

PADA 16 FEBRUARI 2016 (SELASA),

JAM 2.00 PETANG
DI SMA MAIWP, BANDAR TASIK PERMAISURI
CHERAS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

[SALUTASI]

Akan dimuktamadkan kemudian

Terlebih dahulu, izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka kita dapat sama-sama berkumpul di dalam majlis yang begitu murni hasratnya, iaitu Majlis Penyampaian Biasiswa Mutiara kepada murid-murid sekolah oleh **Persatuan Kebajikan Anak Melayu Pulau Pinang Di Wilayah Persekutuan Dan Selangor (“PEKENANG”)**

Saya juga berasa amat sukacita kerana diberi penghargaan untuk menyampaikan anugerah Biasiswa Mutiara kepada murid-murid sekolah dari keluarga berpendapatan rendah tetapi cemerlang dalam pencapaian akademik.

Tuan-tuan & Puan-puan,

PENDAHULUAN

1. Kanak-kanak adalah aset yang paling berharga kepada sesebuah negara, mereka yang akan menggantikan kita apabila dewasa kelak. Tidak dinafikan, satu-satunya perkara yang sangat penting dalam perkembangan kanak-kanak ialah pelajaran. Kita sebagai sebahagian daripada masyarakat yang bertanggung jawab bagi masa depan negara harus memastikan kanak-kanak diberikan peluang yang sepenuhnya untuk menerima pelajaran yang terbaik. Ini adalah kerana pendidikan merupakan hak asasi kanak-kanak sebagai mana yang digariskan oleh Konvensyen mengenai Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child/CRC*) yang telah disertai oleh Malaysia sebagai Negara Pihak sejak tahun 1995 lagi. Mengabaikan pelajaran kanak-kanak bermakna kita telah mengabaikan hak asasi mereka dan masa depan seseorang bakal pemimpin yang dapat memberi sumbangan yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara yang kian hari menghadapi persaingan hebat dari negara jiran serantau.
2. Saya merasa bangga atas sokongan yang diberikan oleh PEKENANG sebagai sebuah NGO yang mengambil berat tentang kemajuan murid-murid dalam bidang akademik. Dengan mengambil perhatian dalam pembangunan murid-murid sekolah juga bermakna kita mempertingkatkan nilai perkhidmatan untuk memenuhi keperluan anak-anak kita. Saya juga amat kagum sebagai organisasi NGO yang kecil, PEKENANG mampu memberi sumbangan berbentuk biasiswa sebagai aktiviti tahunannya secara profesional dan bukanlah hanya

mengikut keperluan semasa. Penganugerahan Biasiswa Mutiara ini membuktikan komitmen tinggi oleh PEKENANG dalam memartabatkan usaha-usaha penjanaaan dan pembangunan modal insan di negeri ini. Inisiatif seumpama ini memang wajar diberi penghargaan. Syabas saya ucapkan kepada PEKENANG dan semoga program ini dapat diteruskan bagi tahun akan datang.

3. Saya percaya usaha dan kejayaan bagi Ahli Jawatankuasa PEKENANG dalam usaha mengumpul dana, merancang dan mengendalikan Program Biasiswa Mutiara ini bukanlah diperolehi dengan mudah, sudah tentu ianya dicapai melalui kegigihan, komitmen dan pengorbanan yang besar. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggung jawab semua pihak termasuk para ibu bapa, warga pendidik, kerajaan dan masyarakat keseluruhannya secara bersepadu terus komited dalam menjana kejayaan yang cemerlang kepada generasi akan datang.

BANTUAN KEWANGAN KEPADA PERTUBUHAN SUKARELA KEBAJIKAN

4. Kerajaan masih lagi menyediakan Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang layak sebagai galakan dan sokongan kepada mereka yang berganding bahu dengan Kerajaan dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan untuk golongan masyarakat yang memerlukan.
5. Walau bagaimanapun, Bantuan Kewangan Kerajaan kepada PSK adalah terhad dan perlu mengikut kadar serta syarat-syarat tertentu. Pada tahun 2014, Kerajaan telah meluluskan bantuan kepada 242 buah PSK dengan peruntukan sebanyak RM27.6 juta. Bagi tahun 2015 pula, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM30.5 juta kepada 246 buah PSK.

KERJASAMA NGO DAN PIHAK KERAJAAN

6. Saya berharap aktiviti sebegini rupa oleh PEKENANG, sebagai sebuah NGO yang kecil boleh menjadi teladan kepada semua organisasi lain untuk di contohi. Kerajaan mengalu-alukan dan menggalakkan semua organisasi dan NGO bekerjasama dalam membantu Kerajaan menjayakan program-program pembangunan dan kebajikan bagi masyarakat . Dalam konteks ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada dasarnya bersedia membantu mana-mana pihak dalam dalam melaksanakan program-program kemasyarakatan. Saya berharap lebih ramai lagi NGO yang akan bermurah hati dan tampil ke hadapan dan bagi menjayakan lagi usaha yang murni sepertimana yang dijalankan oleh PEKENANG.

PROGRAM BIASISWA MUTIARA

7. Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, saya percaya PEKENANG telah membuat pilihan yang tepat menerusi program Biasiswa Mutiara iaitu membuat pelaburan kepada bakat-bakat muda. Pada tahun ini, sejumlah RM100,000.00 diperuntukkan untuk diberikan kepada mereka yang layak. Saya dimaklumkan seramai **250** orang murid akan menerima biasiswa pada hari ini dengan memperoleh RM400.00 setiap orang. Mereka ini terdiri daripada murid berbilang kaum yang kurang berkemampuan serta belum pernah menerima apa-apa bantuan. Salah seorang penerima adalah murid yang keluarganya terlibat sebagai mangsa kebakaran di Kampung Kerinchi, Lembah Pantai.
8. Saya percaya bahawa untuk menjadikan Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, kita seharusnya memberikan tumpuan kepada pelaburan "*talent*" ataupun "bakat" rakyat Malaysia itu sendiri. Sebenarnya, masa depan negara ini terletak pada golongan muda yang masih berada di bangku sekolah yang bakal menjadi pemimpin. Sejarah tamadun manusia menunjukkan bahawa bangsa yang berjaya adalah mereka yang sentiasa menerokai, mencipta dan mengembangkan ilmu-ilmu baru. Pengetahuan sebegini akan menghasilkan inovasi baru yang dapat membantu negara meningkatkan kualiti hidup rakyat di masa yang akan datang.

MEMBACA JAMBATAN ILMU

9. Kepada murid-murid sekalian, ilmu adalah harta paling berharga. Justeru, saya menyeru kepada murid-murid sekalian supaya sentiasa memajukan diri dengan mengikuti perkembangan terkini terutama di dalam bidang pelajaran. Cara yang paling mudah ialah mengekalkan sifat rajin membaca dan mengikuti perkembangan ilmu. Jika sebelum ini murid-murid hanya membaca khusus untuk lulus peperiksaan, tetapi kini jadikan ia budaya hidup. Jadikanlah pula buku sebagai guru di kala tidak tahu, kawan di kala sunyi, rakan berbicara, teman berhibur dan pendamping yang membuka minda serta menjana inspirasi. Belajarlah dengan penuh kesungguhan, jagalah nama baik ibu bapa, guru-guru, sekolah dan negara.
10. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada PEKENANG kerana telah sudi memberi bantuan pada hari ini. Sekalung budi juga tidak dilupakan kepada semua Pegawai & Kakitangan Pejabat Pendidikan Wilayah Bangsar dan Pudu, Guru-Guru Sekolah yang terlibat atas nasihat dan bantuan bagi menjayakan program ini. Saya juga mengharapkan agar selepas ini, lebih banyak NGO, syarikat-syarikat swasta yang mengikut jejak langkah PEKENANG kerana

saya yakin tindakan terpuji seperti ini tidak akan merugikan sesiapaupun, malahan memberi pulangan yang besar kepada negara kelak.

PENUTUP

11. Akhir kata, syabas dan tahniah kepada semua murid-murid yang berjaya mendapat Biasiswa Mutiara dan semoga bantuan yang diterima ini akan memberikan manfaat untuk membiayai pelajaran masing-masing. Kepada para pelajar sekalian, saya ingin berpesan sekali lagi bahawa setiap kejayaan perlukan perjuangan, setiap kemenangan perlukan pengorbanan dan setiap kesenangan harus melalui pelbagai cabaran.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.